

Sektor awam terus diperkasa: PM

BH- 29/12/2020 m/s 4

Penularan COVID-19 tak halang usaha utamakan agenda kerajaan

Ayer Keroh: Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, cabaran menghapuskan wabak COVID-19, tidak menghalang usaha memperkasa sektor awam yang menjadi satu daripada agenda utama kerajaan, untuk memastikan sistem perkhidmatan cekap, telus dan mesra rakyat.

Perdana Menteri berkata, tanggungjawab penjawat awam kini untuk membudayakan norma baharu dalam cara kerja, supaya perkhidmatan itu tetap dapat disampaikan secara efektif kepada golongan sasar, di samping meningkatkan produktiviti kerja.

Beliau berkata, pada peringkat kerajaan pula, penting inisiatif untuk menambah baik aspek integriti dan tadbir urus kerajaan dilaksanakan, misalnya dilakukan melalui usaha membanteras amalan rasuah bagi memastikan kecekapan dan ketelusan penguurusan pentadbiran.

"Oleh kerana pihak berkuasa tempatan (PBT) antara warga kerja barisan hadapan sering terdedah dengan tarikan rasuah, usaha membanteras jenayah ini perlu kekal sebagai agenda penting yang perlu dilaksanakan meluas dalam kalangan penjawat PBT.

"Ini agar kita dapat mewujudkan budaya kerja berintegriti tanpa berkompromi dengan mana-mana nilai dan etika," katanya ketika berucap merasmikan secara maya Persidangan Perwakilan Tritahunan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia (ANULAE) Ke-27 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Presiden ANULAE Semenanjung Malaysia, Datuk Azih Muda dan Presiden CUEPACS, Adnan Mat.

Muhyiddin dalam video 10 minit itu turut menyeru PBT dan agensi berkaitan dapat turun padang lebih kerap untuk meninjau dan memahami keadaan semasa, selain meneliti isu berhubung kakitangan mereka yang saban masa bertemu dengan orang ramai, bagi menyelesaikan urusan seharian.

Beliau turut menyambut baik usaha ANULAE bergabung dengan CUEPACS untuk bersama-sama menangani masalah dalam kalangan ahli kesatuan, khususnya penjawat awam demi menjaga kebajikan mereka.

"Persidangan perwakilan ini peluang buat semua warga ANULAE, untuk berbincang dan menyuarakan pandangan tentang isu berkaitan kebajikan ahli.

"Saya berharap kita semua dapat bersama-sama berganding bahu untuk memastikan hak dan kebajikan setiap kakitangan awam dapat dipelihara sebaik-baiknya.

"Saya juga berharap kesatuan ini akan terus memainkan pe-

ranan sebagai 'mata dan telinga' dalam komuniti setempat dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan agensi di bawah kerajaan negeri termasuk PBT," katanya.

Dalam perkembangan sama, Muhyiddin berkata, beliau sedar dan prihatin terhadap kebajikan penjawat awam termasuk barisan petugas hadapan, yang turut menjadi sebahagian anggota kakitangan awam menggadaikan masa dan tenaga, untuk melindungi masyarakat ketika pandemik ini.

Beliau berkata, oleh itu, sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan sumbangan penjawat awam, beberapa inisiatif diumumkan baru-baru ini menerusi Belanjawan 2021, seperti bantuan khas secara sekali beri (one-off) sebanyak RM600 kepada kakitangan awam dengan gred 56 dan ke bawah, manakala pesara kerajaan serta veteran tidak berpencen layak mendapat elaun sebanyak RM300.

"Petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan (KKM) juga diberi bantuan sekali beri sebanyak RM500 sebagai tambahan kepada elaun khas COVID-19 sebanyak RM600, yang telah diberikan kepada mereka sejak Mac atas usaha menangani pandemik itu.

"Petugas barisan hadapan lain yang layak berdasarkan kriteria ditetapkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) pula, akan menerima elaun sebanyak RM300," katanya. BERNAMA